



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاِخْوَانِ السَّلَامِ كِتَابًا

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

19 RABIULAKHIR 1445H / 03 NOVEMBER 2023M

### AMALAN BERSEDEKAH MENDAPAT KERAHMATAN DAN KEBERKATAN DARI ALLAH SWT

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : .....

  
ABD. RAZAK BIN HAMDIN  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah  
Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah  
13/10/2023

PEGAWAI PENYEMAK : .....

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : .....

DIBACA PADA : .....

DILULUSKAN OLEH : ADAM BIN ABDUL HAI

  
19/10/23  
Unit Baitul Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal EHWAL Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ

سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾ (سورة البقرة (2): 261)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى

آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

**HADIRIN JAMA'AH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Khutbah minggu ini akan membicarakan tajuk : **“AMALAN BERSEDEKAH MENDAPAT KERAHMATAN DAN KEBERKATAN DARI ALLAH SWT”**.

## HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Banyak nikmat Allah SWT yang telah dianugerahkan-Nya kepada manusia. Seperti nikmat kesihatan, umur, rezeki, harta kekayaan, kebahagiaan, keselamatan, keamanan dan lain-lain. Allah SWT memberikan nikmat-nikmat tersebut adalah dengan kehendak-Nya. Dia tidak pernah mensia-siakan hamba-Nya terutama sekali bila hamba-Nya sentiasa mensyukuri segala nikmat tersebut, malahan nikmat-nikmat itu akan bertambah, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Saba' ayat 39:

... وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿٣٩﴾

**Yang Bermaksud:** "...dan apa sahaja kamu belanjakan untuk kebaikan maka Allah akan menggantikannya. Dialah sebaik-baik pemberi rezeki".

**(QS Saba' (34):39)**

Adapun cara kita mensyukuri nikmat tersebut adalah dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya seperti mendirikan solat lima waktu, mengeluarkan zakat, sentiasa berzikir mengingati Allah dalam apa jua keadaan dan suasana. Selain daripada itu, untuk mensyukuri nikmat Allah SWT, kita juga disunatkan memperbanyakkan amalan bersedekah.

Bersedekah adalah amalan yang terpuji dan sangat dianjurkan didalam Islam. Bersedekah mewujudkan keberkatan dalam harta yang dimiliki, menanamkan rasa keinsafan kepada diri manusia, mengeratkan silaturahim,

belas kasihan dan rasa tanggungjawab sesama manusia. Namun, sejauh manakah amalan bersedekah ini kita amalkan dalam kehidupan kita?

**HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,**  
Ramai orang berangan-angan untuk bersedekah bila mempunyai harta yang banyak, namun apabila sudah memiliki harta yang banyak, lupa pula untuk bersedekah atau mensyukuri akan nikmat harta yang telah dimiliki. Harta yang banyak sering digunakan untuk kepentingan diri sendiri, sehingga terlupa untuk menggunakan sebagai saham di akhirat kelak. Oleh itu, bila kita hendak bersedekah, jangan ditunggu apabila kita sudah mempunyai harta yang banyak, kerana harta yang banyak kadang-kadang membuat hati kita menjadi terlalu sayang kepadanya dan berat pula untuk menghulurkannya.

Ingatlah kaum muslimin, harta itu tidak lain hanyalah sebagai perhiasan dan ujian Allah SWT. Untuk menilai sejauh mana kita dapat menggunakannya ke jalan yang diredhai-Nya, janganlah kita berasa ragu tentang keberkatan bersedekah dan janganlah kita asyik mengumpul harta sehingga lupa tanggungjawab kita sebagai seorang hamba kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Munafiqun ayat 9:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٩﴾

**Yang Bermaksud:** *“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah harta kamu dan anak-anak kamu melalaikan kamu daripada mengingati Allah. Dan sesiapa yang melakukan demikian maka mereka itu orang-orang yang rugi”.*

**(QS al-Munafiqun (63): 9)**

Perlu diingat, dalam kita bersedekah hendaklah disertakan dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT. Janganlah kita mengharap kepada pujian dan sanjungan. Sesungguhnya Allah SWT telah menjelaskan bahawa setiap amal kebajikan hamba-Nya sama ada kecil atau besar, banyak atau sedikit, tetap diberikan ganjaran yang setimpal. Firman Allah SWT dalam surah az-Zalzalah ayat 7-8:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

**Yang Bermaksud:** *“Maka siapa yang mengerjakan kebaikan sekalipun seberat zarah, nescaya dia akan melihat ganjarannya. Dan siapa mengerjakan kejahatan sekalipun seberat zarah nescaya dia akan melihat balasannya”.*

**(QS az-Zalzalah (99):7-8)**

**HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DILINDUNGI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Ketahui bahawa harta yang kita miliki sama ada banyak atau sedikit bukan milik kita sepenuhnya kerana ada hak orang lain di dalamnya. Oleh itu gunakanlah ia ke jalan yang diredhai Allah SWT seperti bersedekah, berwakaf, membantu orang-orang yang memerlukan, anak-anak yatim,

menyumbang ke tabung-tabung masjid atau ke tabung-tabung kebajikan dan seumpamanya. Rezeki yang sedikit tidak semestinya tidak mencukupi atau membuat kita susah dan merana. Begitu juga sebaliknya, harta yang banyak, wang yang banyak, tidak semestinya dapat menjamin kebahagiaan hidup di dunai apatah lagi kebahagiaan di akhirat. Yakinlah bahawa rezeki dan keberkatan di dalamnya adalah anugerah Allah SWT. Yang penting, kita tahu bagaimana mensyukurinya dengan mengikut landasan-landasan yang dianjurkan dalam agama.

Apa yang penting dalam kehidupan kita selaku orang Islam, adalah amalan saling bantu membantu antara satu sama lain. Orang yang kaya membantu yang miskin, dan yang miskin pula membalasnya dengan hal yang terbaik yang mampu dilakukannya, sekurang-kurangnya memanjatkan doa kepada Allah SWT.

Dengan hal yang demikian, tidak akan berlaku jurang pemisah antara yang kaya dengan yang miskin dan kehidupan di dunia ini akan sentiasa aman dan makmur. Semoga dengan amalan bantu membantu dan bersedekah kita akan terus mendapat berkat, rahmat dan redha dari Allah SWT. Amin Ya Rabbal Alamin.

#### **HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah adalah sebuah entiti Islam di negeri Sabah yang berbidang kuasa dalam mentadbir wang sedekah. Ianya diperuntukkan melalui Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998, Seksyen 21 (1)(a) dengan jelas menyatakan: *“Satu kumpulan wang yang dinamakan “Kumpulan Wang Amal Jariah” hendaklah juga diadakan untuk mengutip*

*dan mengumpul wang dari masyarakat Islam negeri ini sebagai sedekah bulanan untuk kegunaan agama Islam dan kebajikan orang-orang Islam”.*

PBNS selaku pentadbir Wang Sedekah, akan menyalurkan semua sumbangan yang diterima melalui skim-skim bantuan yang disediakan dan agihan sumbangan ini hanya dikhususkan dalam negeri Sabah.

Dengan membuat sumbangan melalui potongan gaji, penyumbang dapat bersedekah secara konsisten / istiqomah. Nabi Muhammad SAW bersabda yang **bermaksud**: *“Tidak satu hari pun di mana pada setiap pagi seorang hamba itu melainkan dua Malaikat turun kepadanya, salah satu di antara keduanya berdoa: Ya Allah, berikanlah ganti (ganjaran pahala) bagi orang yang berinfaq (bersedekah). Manakala malaikat satu lagi berdoa “Ya Allah! Berikanlah kepada orang yang menahan sedekah dan kedekut kemusnahan”.*

**(HR Bukhari dan Muslim)**

### **HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Disamping menggalakkan masyarakat Islam dari semua peringkat dan lapisan membuat sumbangan sedekah, PBNS turut menerima kutipan fidyah, wang tidak patuh syariah, kaffarah dan luqatah di samping berperanan dalam pengurusan faraid, wasiat dan hibah.

Atas maksud yang sangat besar ini, PBNS menggalakkan semua Penjawat Awam kerajaan negeri, persekutuan dan swasta di negeri Sabah khususnya membuat sumbangan sedekah secara bulanan melalui potongan gaji kepada PBNS. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2023, kerajaan negeri Sabah menggalakkan Penjawat Awam untuk membuat

sumbangan bulanan ke Tabung Kumpulan Wang Amal Jariah melalui potongan gaji mengikut kadar yang digalakkan. Konsep kerjasama murni yang dipraktikkan ini adalah berasaskan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ

اللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

**Yang Bermaksud:** "...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)".

(QS al-Maidah (5):2)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا

وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى  
مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اكَوْغْ وَفَخَامَةِ

الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقَرْتُوا نَكْرِي سَابَهُ . وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً ، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ .

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
بَطَّنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522127 / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)